



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

PEKELILING BILANGAN 1 TAHUN 2009

PANDUAN MENGENAI PENYENGGARAAN KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI

TUJUAN

1. Pekeliling ini dikeluarkan di bawah subseksyen 86B(1) Akta Koperasi 1993 bagi tujuan memberikan panduan kepada semua koperasi berkaitan penyenggaraan Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS).

TAKRIF

2. Bagi maksud Pekeliling ini:

“Kumpulan Wang Rizab Statutori” ertinya suatu kumpulan wang yang disenggara oleh tiap-tiap koperasi menurut subseksyen 57(1) daripada keuntungan bersih teraudit setiap tahun.

“aset cair atau mudah cair” ertinya aset yang mudah ditukarkan dengan segera menjadi tunai.

LATAR BELAKANG

3. Melalui pemerhatian ke atas akaun-akaun koperasi teraudit, didapati kebanyakan koperasi masih belum mewakilkan KWRSnya dengan aset-aset tertentu. Memandangkan tujuan KWRS diwujudkan ialah untuk kepentingan memelihara kewibawaan pengurusan kewangan serta keutuhan kewangan

sesebuah Koperasi, maka adalah amat penting ia diasing dan dilaburkan dalam aset-aset cair atau mudah cair yang selamat dan terjamin.

ARAHAN PENYENGGARAAN

4. Oleh yang demikian, pihak koperasi diminta mengasingkan KWRS ke dalam bentuk **aset cair atau mudah cair yang selamat dan terjamin** seperti **deposit tetap ataupun pelaburan mudharabah** bagi mewakili KWRS.
5. Aset-aset KWRS perlu ditunjukkan di bawah tajuk "**Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori**" dalam Kunci Kira-Kira koperasi.

PEMANTAUAN

6. Jawatankuasa Audit Dalaman koperasi adalah dikehendaki memantau pelaksanaan pekeliling ini supaya hasrat penubuhan KWRS tercapai.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA

7. Semua koperasi dikehendaki mematuhi Pekeliling ini dan dikuatkuasakan pemakaianya mulai tarikh ia dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CEMERLANG, GEMILANG, TERBILANG”


(DATO' MANGSOR BIN SAAD)
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh : **4 / 8 / 2009**

“PENERAJU KECEMERLANGAN KOPERASI”